

04/04/1997

Peranan UPM lebih meluas

Radzi Wahab

SERDANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengumumkan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) kini dikenali sebagai Universiti Putra Malaysia, selaras pembabitan meluasnya dalam bidang sains dan teknologi.

Perdana Menteri berkata, nama baru itu juga dipilih kerana lokasinya bersebelahan Putrajaya, pusat pentadbiran baru kerajaan yang terletak dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

Malah, katanya, nama baru institusi pengajian tinggi itu juga turut mengambil nama Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra.

"Walaupun namanya sudah berubah, kita masih tetap mengekalkan nama singkatannya, UPM kerana ia sudah sehati dengan rakyat.

"Malah, Putra juga bermakna rakyat yang muda dan remaja," katanya ketika berucap di Majlis Dialog Bersama Pelajar dan Kakitangan UPM sempena lawatan seharusnya di universiti itu.

Pengumuman Perdana Menteri itu turut disambut dengan tepukan gemuruh kira-kira 3,000 pelajar dan kakitangan universiti yang memenuhi Dewan Sultan Salahuddin Abdul Aziz.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Pertanian, Datuk Dr Sulaiman Daud dan Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Syed Jalaludin Syed Salim.

Dr Mahathir berkata, nama universiti itu perlu ditukar kerana peranannya bukan lagi tertumpu kepada bidang pertanian semata-mata, sebaliknya melakukan penyelidikan dan pembangunan bidang sains dan teknologi seperti teknologi maklumat dan multimedia.

"Saya harap penukaran nama itu akan menjadi pendorong kepada mereka di UPM untuk terus bekerja keras bagi memajukan universiti ini serta negara," katanya.

Beliau bangga dengan kemajuan dicapai UPM, terutama melalui bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D) yang sudah banyak menghasilkan barangan melalui pengeluaran unik.

Pada masa ini, 60 peratus daripada lebih 23,000 pelajar universiti itu menuntut dalam bidang sains dan selebihnya di dalam bidang sastera dan sains sosial.

Tahun lalu sahaja, UPM meraih Anugerah Institusi Penyelidikan dan Pembangunan Yang Terbaik di Malaysia, Anugerah Pengurusan Khas Teknologi Maklumat dan Anugerah Pencapaian Teknologi Maklumat Persatuan Industri Komputer Malaysia (Pikom).

Perdana Menteri berkata, walaupun sebahagian besar ekonomi Malaysia kini bukan lagi berasaskan pertanian, kegunaan hasil sektor pertanian dalam industri tidak harus dilupakan.

Dalam era tekonologi maklumat sekarang, teknologi itu perlu digunakan bagi meningkatkan lagi hasil pertanian.

Katanya, ini penting kerana pada masa akan datang, hasil pertanian akan dikeluarkan oleh sebilangan kecil tenaga pekerja tetapi perlu mampu menampung keperluan masyarakat dalam industri lain.

Terdahulu, Dr Mahathir diberi taklimat mengenai pembangunan UPM oleh Prof Dr Syed Jalaludin.

Perdana Menteri juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman di antara UPM dan Technology Resources Industries Bhd (TRI) bagi penubuhan Post Graduate School of Management (Sekolah Pengurusan Lepas Ijazah).

Pengerusi TRI, Tan Sri Tajudin Ramli, mewakili TRI, manakala UPM

diwakili Dr Syed Jalaludin.

(END)